

# GURU: MENDIDIK ATAU MENGAJAR?

Oleh: MUHAMAD SUHAIMI TAAT, MOHD YUSOF ABDULLAH, ABDUL SAID AMBOTANG DAN ROSLEE TALIP

Istilah 'mendidik' dan 'mengajar' kerap menjadi isu khususnya dalam kalangan insan yang bernama guru. Ada yang bersetuju dengan penggunaan istilah mengajar, tapi rata-rata lebih bersetuju dengan istilah mendidik. Alasan yang biasa didengar ialah "Kita ni kan seorang pendidik, sedap sikit bunyinya berbanding dengan pengeajar". Ada juga yang mengatakan "Pening aku, sekejap 'ajar' sekejap 'didi'... mana satu nak ikut ni? Ni semua politik dan bisnes punya pasal. Sekali ubah, banyaklah peruntukan untuk tukar papan tanda dan sebagainya... makin kayalah towkeh-towkeh papan tanda..." , dan bermacam-macam lagi rungutan yang boleh didengari sama ada di dalam bilik guru atau di kantin sekolah.

Dalam ruangan kali ini, penulis ingin membicarakan sedikit-sebanyak berkaitan konsep pendidikan dahulu, dan akan membicarakan berkaitan konsep pengajaran dalam ruangan akan datang. Dalam ilmu tatabahasa Melayu, 'pendidikan' ialah kata nama terbitan yang berakar kata daripada kata dasar 'didik' yang membawa erti jaga atau pelihara atau ajar dengan hati-hati sejak kecil. Dalam bahasa Inggeris, pendidikan disebut '*education*', yang dikatakan berasal daripada cantuman dua kalimah dalam bahasa Latin iaitu *e'x* dan *ducereduc*. *E'x* bererti 'keluar' dan *ducereduc* bererti 'memimpin' yang dapat diinterpretasikan sebagai 'mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat'. Kemudian apabila bahasa Latin ini menerima perubahan, yang kemudiannya dua cantuman perkataan itu disingkatkan dan disebut sebagai '*educere*'. Kemudiannya ia dipinjam dan diasimilasikan dengan perkataan '*education*' dalam bahasa Inggeris yang membawa erti mendidik, mengasuh atau membina diri dan watak seseorang.

Di dalam bahasa Arab terdapat beberapa istilah yang biasa digunakan untuk pendidikan seperti perkataan '*ta'lîm*' yang membawa erti mengajar, perkataan '*tarbiyah*' yang membawa erti mengasuh, memelihara dan memimpin dan perkataan '*ta'dib*' yang membawa erti mendidik atau mengajar adab. Sungguhpun ketiga-tiga kalimah tersebut secara umumnya memberi pengertian yang sama bagi mendefinisikan pendidikan, tetapi kalimah '*tarbiyah*' sering kali dan secara meluas digunakan di negara Islam. Penonjolan penggunaan kalimah tersebut mendahului kalimah saingannya mungkin kerana perkataan '*tarbiyah*' itu dilihat dari segi pengertiannya yang umum. Kalimah '*tarbiyah*' secara realitinya mencakupi pengertian pendidikan yang bukan sahaja ditujukan kepada manusia bahkan kepada makhluk Allah SWT yang lain yang membawa erti mendidik, mengajar dan memelihara.

Secara umumnya terdapat dua golongan yang telah mentakrifkan istilah 'Pendidikan'. Mereka terdiri dari sarjana Barat dan sarjana Islam. Di bawah ini dikemukakan definisi yang diutarakan oleh sarjana-sarjana tersebut. Sarjana Barat mendefinisikan 'Pendidikan' sebagai proses tidak berkesudahan bagi menyesuaikan diri manusia dari segi

perkembangan jasmani dan kematangan akal fikiran, kebebasan dan perasaan manusia terhadap Tuhan sebagai mana ternyata dalam alam akliyah, emosi dan kemauan manusia. Pendidikan juga didefinisikan sebagai seni dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan dan tabiat menerusi pengajaran dan pembelajaran. Sarjana Islam pula menyatakan bahawa 'Pendidikan' dalam pengertian yang lebih umum ialah segala pengaruh fizikal, biologi, akhlak dan sosial yang membentuk aliran individu dan negara. Dalam pengertian yang lebih khusus, pendidikan merupakan pengaruh khas yang disusun dan dicipta oleh ahli pendidik, sekolah dan pusat pendidikan lain. Pendidikan juga bererti membina keperibadian muslim yang sempurna dalam pelbagai aspek bagi mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Yusuf Al-Qardhawi pula menyatakan pendidikan sebagai pendidikan manusia seluruhnya, akal dan hatinya, rohani dan jasmaninya, akhlak dan tingkah lakunya.

Meneliti kepada definisi yang diberikan oleh sarjana Barat, dapat difahamkan bahawa pendidikan menurut mereka, ialah proses melatih akal, jasmani dan moral manusia untuk menjadi individu dan warga negara yang baik. Dalam konsep Barat, pendidikan dianggap penting bukan hanya untuk melahirkan manusia yang kelakunya dapat diterima oleh masyarakat, malah mempunyai nilai ekonomi. Dari kacamata Islam pula, pendidikan diertikan sebagai proses mendidik dan melatih akal, jasmani dan rohani manusia berdasarkan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu al-Quran dan as-Sunnah. Tujuannya ialah untuk melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata. Pada umumnya, konsep pendidikan Barat hampir sama dengan konsep pendidikan Islam kerana sama-sama menyatakan bahawa pendidikan ialah suatu latihan atau bimbingan jasmani (fizikal), rohani (mental) dan sosial bagi melahirkan manusia yang sempurna dalam pelbagai aspek. Tetapi yang membezakan antara kedua-duanya ialah dari segi matlamat pendidikan. Matlamat pendidikan Barat ialah menekankan kejayaan dalam sebarang aspek kehidupan sebagai matlamat akhir, manakala pendidikan Islam pula bertujuan menghasilkan insan yang baik dan cuba untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan di dunia yang menjadi asas utama bagi mendapatkan kebahagiaan di akhirat.

Apa yang diperkatakan di atas merupakan satu pandangan umum dari kacamata penulis. Namun penulis percaya tiada agama di dunia ini yang mahukan penganutnya menjadi insan yang hanya berilmu tanpa beramal dengan ilmunya, ibarat kata pepatah Arab 'ilmu tanpa amal umpama pokok yang tidak berbuah'. Oleh itu, sebagai seorang guru kita harus tahu bahawa tugas kita bukan setakat melaksanakan proses '*transfer*' atau memindahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran semata-mata, tetapi tugas guru juga adalah melaksanakan proses '*transform*' atau membentuk watak seseorang pelajar agar mereka betul-betul menjadi insan yang berilmu, berketrampilan dan bersahsiah mulia selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

